

Index
No.

--	--	--	--	--

-

--

AKAR EDUCATION
PEPERIKSAAN SEKOLAH MENENGAH

BMS1EN/2

SECONDARY 1 EXP/NA
SPECIMEN PAPER 3

BAHASA MELAYU
(KERTAS 2)

MALAY
(PAPER 2)

Additional Materials: Answer Booklet

Total Time: 1 h 30 min

INSTRUCTIONS TO CANDIDATES

1. Write your Index No. in the boxes at the top right hand corner.
2. Do not turn over this page until you are told to do so.
3. Follow all instructions carefully.
4. Answer all questions.
5. Write your answers in the spaces provided.



This question paper consists of 11 printed pages.

BAHAGIAN A

SOALAN A1 (10 markah)

Arahan: Dalam petikan karangan di bawah ini terdapat lima patah perkataan yang telah digarisi. Bubuh imbuhan yang sesuai pada setiap perkataan.

Seni batik mempunyai nilai seni yang amat tinggi. Ia telah menjadi (1) waris nenek moyang masyarakat Melayu sejak berzaman-zaman lamanya. Batik memang terkenal sebagai fabrik yang digunakan untuk membuat pakaian. Pada awalnya, baju batik hanya (2) kena semasa acara rasmi sahaja. Namun peralihan masa (3) sebab pemakaian baju batik semakin luas. Sebagai contoh di Indonesia, baju batik dipakai sebagai seragam sekolah khusus pada hari Jumaat. Malah, disebabkan sifat batik yang fleksibel, batik bukan sahaja digunakan sebagai pakaian tetapi juga digunakan untuk (4) buat oleh-oleh. Di antara barang-barang yang diperbuat daripada batik ialah beg tangan, dompet, topi, sandal dan banyak lagi. Oleh kerana keindahan kain batik, barang-barang yang berunsur batik dapat menarik minat pembeli secara serta-merta. Inilah yang menyebabkan ramai (5) lancong membeli oleh-oleh yang dijahit dengan menggunakan kain batik. Oleh yang demikian, seni batik patut dilestarikan agar tidak tenggelam dalam arus kemodenan.

1. _____
2. _____
3. _____
4. _____
5. _____

SOALAN A2 (10 markah)

Arahan: Pilih peribahasa yang sesuai daripada senarai yang diberikan di bawah ini bagi melengkapkan jalan cerita petikan karangan.

- (A) alah bisa tegal biasa
- (B) ada gula adalah semut
- (C) bagai hujan jatuh ke pasir
- (D) hilang adat tegal muafakat
- (E) malu berkayuh perahu hanyut
- (F) ditatang bagai minyak yang penuh
- (G) bagaimana acuan begitulah kuihnya
- (H) di mana bumi dipijak, di situ langit dijunjung
- (I) diam-diam ubi berisi, diam-diam besi berkarat
- (J) belakang parang jikalau diasah nescaya tajam

Sejak kecil lagi, Azura bercita-cita menjadi seorang peguam. Walaupun dia bukan pelajar yang terpinar di kelas, dia tetap yakin bahawa seorang pelajar yang kurang cerdik akan berjaya akhirnya jika dia berusaha dengan gigih kerana ____ (6) _____. Di dalam kelas, Azura tidak banyak bercakap kerana dia sering mendengar dengan teliti apa yang diajar gurunya. Malah, dia banyak berfikir tentang masa hadapan dan pelajarannya. Oleh itu, ramai orang berkata bahawa Azura seperti ____ (7) _____.

Kini, Azura telah berjaya melanjutkan pelajaran ke Universiti Cambridge di England dalam bidang guaman. Ibu bapanya sering menasihatinya supaya rajin bertanya. Kata mereka, jika Azura segan bertanya, dia akan membuat kesilapan. Maklumlah, ____ (8) _____. Setelah tamat pengajian, Azura berniat untuk mencari pekerjaan di England yang banyak memberi peluang pekerjaan kerana dia percaya ____ (9) _____. Dia bertekad ingin memberi kesenangan kepada ibu bapanya yang amat menyayanginya dan menjaganya dengan sempurna. Disebabkan itu, Azura selalu berasa bahawa dia ____ (10) _____. Azura berharap agar ibu bapanya akan berasa bangga atas pencapaiannya suatu hari nanti.

6. () 7. () 8. () 9. () 10. ()

SOALAN A3 (10 markah)

Arahan: Isi tempat kosong dengan perkataan yang sesuai bagi melengkapkan teks.

adalah	ialah	pelbagai
dari	menjamin	relevan
digalakkan	menyokong	

Kemahiran bertutur dalam berbilang bahasa membantu membuka pintu kepada pelbagai peluang di merata dunia. Selain bermanfaat ____ (11) ____ segi ekonomi masa hadapan, kemahiran bertutur dalam berbilang bahasa juga ____ (12) ____ pembangunan seseorang.

Kajian menunjukkan bahawa kanak-kanak yang berkemahiran dwibahasa lebih mudah menumpukan perhatian kepada maklumat yang ____ (13) ____, lebih berupaya menganalisis, menstruktur semula dan memikir secara lebih luas. Selain itu, kanak-kanak ini juga jauh lebih kreatif.

Salah satu cara untuk memudahkan pemerolehan bahasa kedua dan selanjutnya ____ (14) ____ dengan mengadakan lawatan sambil belajar ke negara-negara lain. Para pelajar amat ____ (15) ____ menyertai program-program darmawisata yang dianjurkan sekolah masing-masing kerana ia dapat membantu pembangunan minda. Selain itu, pelajar juga dapat mempelajari budaya bangsa-bangsa lain.

11. _____

12. _____

13. _____

14. _____

15. _____

BAHAGIAN B (10 markah)

Arahan: Baca petikan-petikan yang berikut dengan teliti.

Petikan 1

Kempen Pulangkan Dulang Sendiri

"Tidak sampai 5 minit pun!"

Tahukah anda?

Kebanyakan pekerja pembersihan di Singapura sudah berusia melebihi 50 tahun.

Dalam kalangan mereka, ada yang bekerja untuk mencari wang bagi membelanjaan harian.

Ada juga yang berasa bosan setelah bersara dan sekadar ingin meluangkan masa lapang mereka.



Ayuh kita bantu ringankan beban mereka!

Pulangkan dulang makanan kamu ke lokasi-lokasi pemulangan dulang.


Dengan memastikan kebersihan di persekitaran pusat penjaja, kita juga dapat mengekang penularan wabak penyakit!



Reminders (above) are all around the newsgroup ABC Brickworks Market and Food Centre to nudge patrons to do their bit and return their trays. 12 PHOTO TOPWAY SIGN FOR THE STREETS TAKES

Arahan: Berdasarkan petikan di halaman sebelumnya, jawab soalan-soalan di bawah ini dengan memilih jawapan yang sesuai.

16. Tujuan utama kempen ini adalah untuk menggalakkan orang ramai agar _____.
- (A) memulangkan dulang sendiri
 - (B) mengekang penularan penyakit
 - (C) bekerja sebagai pekerja pembersihan
 - (D) meluangkan masa lapang setelah bersara ()
17. Terdapat pesara yang bekerja sebagai pekerja pembersihan kerana _____.
- (A) mereka ingin meluangkan masa lapang mereka
 - (B) mereka ingin menjaga kebersihan pusat penjaja
 - (C) mereka ingin mengekang penularan wabak penyakit
 - (D) mereka ingin mencari wang demi pembelanjaan harian ()
18. Kita berupaya mencegah penyakit daripada merebak dengan _____.
- (A) meringankan beban pekerja pembersihan
 - (B) mencari wang untuk pembelanjaan harian
 - (C) meluangkan masa lapang dengan sebaiknya
 - (D) menjaga kebersihan di persekitaran pusat penjaja ()



**Jimat hingga
\$2688**
setiap pasangan

**Penjimatan
tambahan
\$50**
bagi setiap pengguna
kad kredit CIMB.

**Sertai
Pusing dan Menangi**
hadiah termasuk percutian
dalam kapal persiaran, tongkat
ali, madu premium, kamera
berjenama serta banyak lagi!

PERCUMA

Set sarapan dengan setiap
pakej yang ditempah
(10 pagi hingga 12 tengah hari).
Percuma bagasi 15 inci.
Selagi stok masih ada!

Eksklusif

diskaun dan hadiah daripada
Insurans Takaful

Menangi

set pinggan mangkuk
dalam cabutan
bertuah yang diadakan
setiap jam.

Arahan: Berdasarkan petikan di halaman sebelumnya, jawab soalan-soalan di bawah ini dengan memilih jawapan yang sesuai.

19. Pameran Pelancongan tersebut dianjurkan oleh _____.

- (A) CIMB
- (B) Chan Sisters
- (C) Insurans Takaful
- (D) Pusat Konvensyen Suntec

()

20. Sekiranya seseorang menyertai cabutan bertuah, dia berpeluang mendapat _____.

- (A) kamera berjenama
- (B) set pinggan mangkuk
- (C) percutian dalam kapal persiaran
- (D) hadiah daripada Insurans Takaful

()

BAHAGIAN C (30 markah)

Arahan: Baca petikan karangan berikut dengan teliti.

Ravi memecut ke arah lif meskipun pintu sudah hampir tutup. Seorang jejaka menahan pintu tersebut, membolehkan Ravi selit masuk ke dalam lif yang sesak itu. Ravi melihat sekelilingnya. Ternyata lif itu dipenuhi golongan adam dan hawa berpakaian sut berserta tali leher. Mereka cuba merapati satu sama lain untuk memberi ruang kepada Ravi. Ravi **menoleh** ke arah jam tangannya sambil mengeluh.

5

"Alahai lambat lagilah hari ini kalau macam ini," fikiran dalam hati.

Ravi gelisah kerana ada banyak kerja yang dia perlu selesaikan hari ini juga. Tiba-tiba, lif itu bergoncang lalu terhenti. Seorang wanita yang berdiri di sebelah Ravi hilang kawalan lalu cawan kopi yang dipegangnya langsung terlepas. Ravi menjerit keperitan - kulitnya di tangan kiri bagaikan melecur akibat tersimbah kopi yang panas daripada cawan wanita tersebut. Habis baju kemeja putihnya menjadi comot.

10

"Tidak! Lif rosakkah?" teriak seorang lelaki yang berdiri di belakang. Suara kecemasan para pengguna langsung mengisi ruang lif tersebut, terlalu bising sehingga sukar untuk mendengar percakapan satu sama lain. Ravi menyelitkan tangannya yang gempal di celah-celah orang ramai untuk menekan butang kecemasan. Deringan penggera kecemasan menambahkan lagi **keriuhan** yang sedang berlaku.

15

Ravi mula berasa rimas. Dia tidak dapat mengawal dirinya lalu menjerit, "Semua diam! Lebih baik kita bertenang sementara menunggu bantuan. Tak guna kalau kita terus panik. Lif ini tidak akan baik sendiri!"

Kata-kata Ravi ibarat jampi yang mengena tepat pada sasaran. Semua yang berada di dalam lif itu mula memperlahankan nada mereka. Baru sahaja Ravi ingin menghela nafas lega, kulitnya yang melecur itu semakin menggigit. Pedihnya **bukan kepalang**. Kini, dia sudah rasa gatal di sekitar lukanya. Ravi cuba sedaya untuk meluputkannya dari ingatan tetapi kegatalan itu semakin terasa. Akhirnya, Ravi tewas kepada godaan. Antara mahu dan tidak, Ravi terpaksa menggaru bahagian di keliling luka itu untuk melegakan rasa gatal.

20

Namun, baru sahaja Ravi mengangkat tangan kanannya untuk menggaru tangan kirinya, tanpa sengaja dia tersiku kepala lelaki yang berdiri di hadapannya.

"**Angkara** siapakah ini? Biadab sungguh menyiku kepala aku!" teriak lelaki yang berkumis itu. Akibat kemarahan yang tidak terbendung, lelaki itu terus menggenggam rambut lelaki di sebelah kiri dan kanannya. Sekali lagi, keadaan menjadi huru-hara. Ravi hanya berdiam diri kerana dia tidak mahu dipersalahkan oleh lelaki yang mengingatkannya kepada *Hulk* itu. Ravi hanya mampu berharap agar keadaan lif akan membaik agar dia dapat keluar dari neraka dunia pada saat itu.

25

Dengan secara tiba-tiba, doanya seakan dimakbulkan. Setelah beberapa minit, lif itu kembali berfungsi. Tanpa membuang masa, Ravi terus lari keluar dari lif. Akhirnya, dia bebas daripada keadaan yang merimaskan itu. Ravi berharap nasibnya yang malang pada hari itu tidak akan berlanjutan lagi.

30

35

Arahan: Berdasarkan petikan karangan di halaman sebelumnya, jawab soalan-soalan yang diberikan. Seberapa boleh, gunakan ayat-ayat kamu sendiri. Kemudian, tulis jawapan kamu di ruangan yang disediakan.

21. Mengapakah Ravi berasa kkuatir melihat kesesakan di dalam lif? (3 markah)

22. Apakah punca cawan kopi yang dipegang wanita terlepas dari tangannya? (3 markah)

23. Bagaimanakah reaksi orang-orang di dalam lif setelah Ravi menjerit kepada mereka. (3 markah)

24. Apakah yang lelaki berkumis itu lakukan setelah kepalanya disiku? (3 markah)

25. Ravi boleh dianggap sebagai penyelamat keadaan. Berikan **dua** bukti untuk menyokong pernyataan tersebut. (5 markah)

26. "Ravi berharap nasibnya yang malang pada hari itu tidak akan berlanjutan lagi." (baris 35)
Berikan **dua** sebab mengapa Ravi berpendapat bahawa nasibnya malang pada hari itu.
(5 markah)

Arahan: Bagi soalan 27 hingga 30, terangkan maksud perkataan atau frasa yang diberikan berdasarkan petikan karangan di halaman sebelumnya dengan menggunakan tidak lebih daripada 10 perkataan.

27. menoleh (baris 4) (2 markah)

28. keriuhan (baris 15) (2 markah)

29. bukan kepalang (baris 22) (2 markah)

30. angkara (baris 28) (2 markah)

SELESAI